

[HADITH PALSU] – RIWAYAT DOA KHUSUS DARIPADA NABI APABILA KHATAM AL-QUR'AN DAN YANG MENYATAKAN KELEBIHAN DOA KHATAM AL-QUR'AN TIADA YANG SAHIF



<https://youtu.be/Z7MJ4A9XaYc>

VIDEO – [Durasi – 11m 03s] – [HADIS PALSU] – [HADIS PALSU] -Setiap kali khatam Quran ada doa yg mustajab & akan perolehi satu pokok dalam syurga

[HADITH PALSU] – RIWAYAT DOA KHUSUS DARIPADA NABI APABILA KHATAM AL-QURAN DAN YANG MENYATAKAN KELEBIHAN DOA KHATAM AL-QURAN TIADA YANG SAHIF

1. [00:01:13] – HADITH PALSU PERTAMA

“Apabila seseorang daripada kamu khatam al-Qur’an (habis membaca semua sekali al-Qur’an), dia hendaklah mengucapkan, bermaksud, “Ya Allah, tenangkanlah ketakutanku kepada kesepian di dalam kuburku.”

[00:01:58] – KOMENTAR HADITH PALSU PERTAMA

- i. Terdapat tiga orang perawi yang bermasalah iaitu Laits Bin Muhammad (perawi matruk), Salim al-Khayyah (langsung tidak bernilai) dan Ahmad bin Abdillah bin Khalid (pendusta besar).
- ii. Kandungan hadith ini tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Ianya boleh diamalkan tetapi kita tidak boleh menganggapnya sebagai dari Nabi s.a.w.
- iii. Sebenarnya iman dan amal soleh akan menenangkan seseorang di dalam kuburnya. Ianya disebut dalam hadith yang sahih. Oleh itu, kita tidak perlu pun kepada doa tersebut.

2. [00:04:30] – HADITH PALSU KEDUA

“Sesungguhnya Nabi s.a.w. selalu berdoa ketika khatam al-Qur’an (habis membaca semua sekali al-Qur’an) (begini): “Ya Allah, rahmatilah aku dengan al-Qur’an, jadikanlah ia ikutan, cahaya, petunjuk dan rahmat bagiku. Ya Allah, ingatkanlah aku mana yang telah aku terlupa daripadanya (al-Qur’an), ajarkanlah aku apa yang belum aku ketahui daripadanya, dan kurniakanlah kepadaku kemampuan membacanya pada waktu malam dan siang. Jadikanlah ia sebagai hujah bagiku, wahai Tuhan sekalian alam”.

[Nota: Doa ini agak popular dan selalu diamalkan. Ianya terdapat di dalam kitab Ihya’ Ulumiddin Imam al-Ghazali. Walaupun begitu ianya bukan dari hadith Nabi s.a.w]

[00:06:06] – KOMENTAR HADITH PALSU KEDUA

i. Hadith ini tiada asalnya, iaitu tidak terdapat di dalam kitab-kitab hadith yang bersanad. Ianya adalah hadith maudhu'.

ii. Doa dalam contoh pertama dan contoh kedua ada dimasukkan di dalam cetakan al-Quran. Oleh kerana kandungannya tidak bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam, ianya boleh diamalkan. Walaupun begitu kita tidak boleh menganggapnya sebagai doa dari Nabi s.a.w. dan mempunyai kelebihan tertentu.

3. [00:08:22] – HADITH PALSU KETIGA

"Sesungguhnya pembaca al-Quran pada setiap kali khatam al-Quran ada doa yang mustajab dan ia akan memperolehi satu pokok di dalam syurga yang mana kalau seekor burung gagal terbang dari pangkalnya, nescaya ia tidak akan sampai kepada dahannya kecuali setelah ia tua"

[00:09:03] – KOMENTAR HADITH PALSU KETIGA

Ibnu al-Jauzi berkata hadith ini tidak sahih. Ulama' berpendapat, salah seorang perawinya, Yazid ar-Raqasyi, tidak boleh ditulis apa-apa darinya.

VIDEO PENUH ASAL:

- 1 – • Sesi 103 – Tiada Doa Khusus Dari Nabi...
- 2 – • Sesi 104 – Tiada Doa Khusus Dari Nabi...